



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Jawatan	<b>PEGAWAI AUDIT (GRED E41)</b>	
Bilangan kekosongan	Satu	
Taraf Jawatan	Kontrak	
Gaji Ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gaji Pokok : RM2,422.00</li><li>• Elaun Tetap Perumahan: RM300.00</li><li>• Elaun Sara Hidup : RM300.00</li><li>• Elaun ITKA : RM300.00</li></ul>	
Syarat Lantikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;</li><li>• lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan</li><li>• memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.</li></ul>	

- Diskripsi tugas : • Membuat perancangan audit tahunan yang merangkumi audit dalam YWM;
- Menguruskan audit dalam YWM bermula dari peringkat perancangan, perlaksanaan, pemantauan, analisa, pelaporan dan pembentangan dalam Lembaga Pemegang Amanah YWM;
  - Memastikan tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa;
  - Memberi nasihat/pandangan mengenai semua Sistem Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran; dan
  - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

**Bahagian Pengurusan**

**Yayasan Waqaf Malaysia**

**Aras 8, Blok D**

**Kompleks Islam Putrajaya**

**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**

**62100 Putrajaya.**

- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.